



Asian Social Work Journal (ASW)

Volume 2, Issue 2, November 2017

e-ISSN : 0128-1577

Journal home page:
www.msocialwork.com

Keterlibatan dan Cabaran Guru Bimbingan dan Kaunseling Sekolah Terhadap Murid Berkeperluan Khas

Norafifah Bali¹, Mohamad Hashim Othman¹

¹Unviersiti Sains Malaysia (USM)

Corrresondence: Norafifah Bali (fifah87@gmail.com)

Abstrak

Perlaksanaan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di sekolah memerlukan Guru Bimbingan dan Kaunseling Sekolah (GBKS) bertindak untuk memberikan perkhidmatan tersebut kepada semua pelajar, sama ada pelajar aliran perdana mahupun Murid Berkeperluan Khas (MBK), seperti mana yang telah digariskan dalam Buku Rekod Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling. Situasi ini telah memberikan cabaran kepada GBKS terutama dalam memenuhi keperluan khusus MBK. Perkara ini menimbulkan persoalan berkaitan dengan keterlibatan GBKS dalam menyediakan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling khususnya kepada MBK serta cabaran yang dilalui dalam melaksanakan perkhidmatan ini. Oleh itu, sebuah kajian berbentuk kualitatif telah dilaksanakan untuk menjawab persoalan tersebut. Kajian ini melibatkan enam orang GBKS yang berkhidmat di sekolah yang mengamalkan Program Pendidikan Khas Integrasi atau Program Pendidikan Inklusif. Soalan temubual berbentuk separa berstruktur telah digunakan untuk mendapatkan maklumat berkaitan. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa keterlibatan GBKS terhadap MBK berlaku secara langsung dan tidak langsung. Manakala cabaran yang dilalui GBKS dalam melaksanakan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling dibahagikan kepada tiga tema, iaitu cabaran bercirikan GBKS, cabaran bercirikan MBK dan cabaran bercirikan Organisasi. Perolehan dapatan kajian ini dapat menyumbang maklumat mengenai pelaksanaan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling kepada MBK, seterusnya digunakan sebagai penambahbaikan garis panduan yang sedia ada bagi meningkatkan keterlibatan

Kata kunci: perkhidmatan bimbingan dan kaunseling, kompetensi kaunseling multibudaya, ketidakupayaan, murid berkeperluan khas, guru bimbingan dan kaunseling sekolah

Involvement and Challenges of School Guidance and Counselling Teacher Towards Special Needs Students

Abstract

Implementation of guidance and counselling services in schools requires School Guidance and Counselling Teachers (SGCT) to provide this services to all students, whether the mainstream students or Special Needs Students (SNT), as outlined in the Buku Rekod Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling (Guidance and Counselling Services Record Book). This situation has challenged SGCT especially in meeting the specific needs of SNT. This raises questions regarding the involvement of SGCT in providing guidance and counselling services especially to SNT as well as challenges faced in

implementing such services. Therefore, a qualitative study has been conducted to answer the questions. This study involved six SGCT who serve in schools that adopt the Integrated Special Education Program or the Inclusive Education Program. Semi-structured interview questions have been used to obtain relevant information. The finding of this study shows that there are direct and indirect SGCT's involvements with SNT. While the challenges that GBKS face in carrying out guidance and counselling services are divided into three themes, namely the challenges characterized by SGCT, challenges characterized by SNT and challenges characterized by the Organization. The findings of this study can provide information on the implementation of guidance and counselling services to SNT and can be used as an improvement of the existing guidelines to increase the involvement of SGCT in providing guidance and counselling services especially to SNT.

Key words: school counselling, multicultural counselling competency, disability, special needs student, school counsellor

Pengenalan

Perkhidmatan bimbingan dan kaunseling sekolah merupakan salah satu perkhidmatan yang membantu lingkungan klienya memenuhi keperluan organisasi dan peribadi. Lingkungan klien yang luas telah memberi penglibatan yang terbahagi serta cabaran kepada Guru Bimbingan dan Kaunseling Sekolah (GBKS) dalam membantu para klien memenuhi keperluan tersebut. Penglibatan dan cabaran ini akan dikaji untuk memberikan pemahaman berkenaan perkhidmatan ini terutamanya kepada Murid Berkeperluan Khas (MBK).

Unit Bimbingan dan Kaunseling telah ditubuhkan pada setiap buah sekolah menengah di Malaysia. Penubuhan unit ini bertujuan membantu dalam aspek psikologi pelajar, seperti meningkatkan sahsiah dan disiplin pelajar, memberi pendedahan dan bimbingan mengenai kerjaya, dan membantu mengurus kesejahteraan diri dan mental pelajar di sekolah (KPM, 2012). Pelaksanaan perkhidmatan ini bukan sahaja kepada pelajar biasa tetapi meliputi pelajar Orang Kurang Upaya (OKU) atau dikenali sebagai MBK. Murid Berkeperluan Khas yang dimaksudkan dalam kajian ini adalah pelajar yang mengikuti pembelajaran di sekolah yang mengamalkan Program Pendidikan Khas Integrasi atau Program Pendidikan Inklusif. Sekolah tersebut mempunyai kedua-dua kumpulan pelajar aliran perdana dan MBK. Kategori MBK yang mengikuti persekolahan ini adalah murid bermasalah penglihatan, bermasalah pendengaran, dan bermasalah pembelajaran.

Unit ini turut disediakan garis panduan khusus dalam memberikan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling terhadap MBK, iaitu memberi perkhidmatan bimbingan dan kaunseling khas, memberi penekanan dalam aspek kebajikan, kemudahan, *soft skills*, dan hala tuju kerjaya terhadap MBK, dan membantu pelajar normal menerima MBK (KPM, 2012). Perbezaan garis panduan ini adalah disebabkan keperluan yang berbeza antara pelajar aliran perdana dan MBK. Walau bagaimanapun, garis panduan yang diberikan tidak terperinci seperti panduan perkhidmatan kepada pelajar aliran perdana.

Tanggungjawab GBKS menjadi semakin mencabar apabila berkhidmat di sekolah yang mengamalkan Program Pendidikan Khas Integrasi atau Program Pendidikan Inklusif. Keperluan yang berbeza antara kedua-dua lingkungan klien normal dan berkeperluan khas ini memerlukan GBKS memberikan perhatian yang khusus terutamanya terhadap MBK. Hal ini kerana, GBKS merupakan individu yang memainkan peranan utama untuk memberi perkhidmatan kepada MBK di sekolah (Auger, 2013). Seterusnya, GBKS bertindak sebagai perunding dan penasihat kepada MBK (Fish & Smith-Augustine, 2015). Pengetahuan yang dimiliki oleh GBKS menjadikan dirinya sebagai sumber yang tidak ternilai dan sumber pengetahuan GBKS mengenai ketidakupayaan dapat digunakan dalam membantu kurikulum MBK seterusnya menjadi penghubung kepada komuniti (Hott, Thomas, Abbassi, Hendricks, & Aslina, 2014).

Penekanan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling terhadap MBK perlu diketengahkan walaupun isu yang dihadapi oleh MBK adalah sama seperti yang dihadapi oleh pelajar aliran perdana (Richmond-Frank, 2015). Hal ini kerana, MBK mempunyai isu tambahan lain yang terhasil daripada perbezaan budaya dan ini memberikan cabaran kepada GBKS untuk melibatkan diri dengan MBK. Antara isu yang dihadapi oleh MBK adalah isu kendiri (Krajnčan, Sinjur, & Kranjec, 2015; Richmond-Frank, 2015), Diskriminasi (Parchomiuk, 2015; Sazak-Pinar & Güner-Yıldız, 2013), persekolahan (Goodman, Bucholz, Hazelkorn, & Duffy, 2014; Melissa Ng Lee Yen Abdullah, Mey, Eng, Rosly Othman, & Ahmad Fairuz Omar, 2013), pekerjaan (Roberts, 2012).

Keterlibatan GBKS dalam memberikan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di Malaysia terhadap MBK seperti garis panduan yang dibekalkan menjadi persoalan apabila hasil kajian lepas mendapatkan bahawa kaunselor kurang melaksanakan perkhidmatan kepada klien pelbagai budaya (Adams, 2015; Hanani Harun Rasit, 2014; Rafidah Aga Mohd Jaladin, 2013), kurang bersedia dalam berhadapan dan memberi perkhidmatan kaunseling kepada MBK (Arnold, 2010; Lee, 2015; Nichter & Edmonson, 2005; Plotner & Fleming, 2014; Rafidah Aga Mohd Jaladin, 2013), kurang kompeten (Aksoy & Diken, 2009), dan kurang mempunyai pengetahuan dalam pendidikan khas atau ketidakupayaan (Hanani Harun Rasit, 2014; Lee, 2015; Tait, 2013; Zahra, 2014). Manakala, kajian yang dilaksanakan oleh Lee (2015) turut mendapatkan kaunselor tidak mempunyai pengetahuan mengenai pendidikan khas dan polisi serta mempunyai beban kes yang banyak. Selain itu, kaunselor turut mengalami perasaan takut dan bimbang apabila berhadapan dengan OKU (Zahra, 2014).

Lanjutan dari itu, wujud persoalan mengenai keterlibatan aktiviti GBKS terhadap MBK dalam seting sebenar apabila kaunselor dikatakan tidak bersedia dan kurang melaksanakan perkhidmatan. Penerokaan ini akan membawa kepada perbandingan perkhidmatan yang diberikan kepada pelajar aliran perdana dan MBK serta cabaran yang dilalui apabila GBKS memberikan perkhidmatan ini. Oleh itu, objektif kajian ini adalah seperti berikut;

1. Meneroka keterlibatan GBKS dalam memberikan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling terhadap MBK.
2. Meneroka cabaran yang wujud dalam memberikan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling terhadap MBK.

Metod Kajian

Pendekatan dan Rekabentuk Kajian

Kajian ini dijalankan dengan menggunakan pendekatan kualitatif. Rekabentuk kajian ini adalah berbentuk Kajian Kualitatif Asas seperti yang dinyatakan oleh Merriam (2009).

Persampelan Kajian

Pemilihan sampel adalah dengan menggunakan Persampelan Bertujuan. Sebanyak enam orang GBKS daripada tiga buah sekolah yang mengamalkan Program Pendidikan Khas Integrasi atau Program Pendidikan Inklusif di Sabah dipilih untuk menyertai kajian ini. Kriteria pemilihan peserta kajian adalah (a) pengalaman berkhidmat minimum enam bulan, (b) mempunyai latar belakang pendidikan Sarjana Muda Pendidikan (Bimbingan dan Kaunseling) atau Sarjana Muda Psikologi (Psikologi Kaunseling) yang melanjutkan pelajaran di Institusi Pendidikan Guru, (c) merupakan seorang Kaunselor Berdaftar di bawah Lembaga Kaunselor Malaysia.

Protokol Temubual

Temubual dijalankan dengan menggunakan soalan separa berstruktur. Soalan separa berstruktur dalam kajian ini dibina melalui hasil tinjauan awal pengkaji terhadap GBKS dalam kajian rintis sebelum kajian ini dilaksanakan.

Prosedur Kajian

Proses menjalankan kajian dimulakan dengan mendapatkan kelulusan menjalankan kajian daripada Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Pendidikan Negeri Sabah, Pejabat Pendidikan Daerah, dan tiga buah sekolah yang terlibat. Setelah pengkaji mendapat kelulusan daripada pihak berkenaan, pengkaji menghubungi GBKS secara bersemuka untuk menjelaskan tujuan kajian, menyatakan penyertaan secara sukarela, dan menetapkan temujanji bagi GBKS yang bersetuju menjadi peserta kajian. Kesemua aktiviti menemubual dijalankan secara bersemuka di bilik kaunseling yang disediakan di sekolah masing-masing. Proses menemubual dimulakan dengan GBKS memahami tujuan temubual dan keperluan rakaman serta menandatangani Borang Persetujuan Termaklum. Segala maklumat peribadi seperti nama GBKS dan sekolah yang digunakan dalam kajian ini adalah nama samaran untuk menjamin kerahsiaan. Hasil temubual telah ditranskrip dan dianalisis menggunakan perisian Atlas.TI versi 7.

Analisis Data

Pengkaji melaksanakan secara serentak antara proses menemubual, menstranskrip temubual dan analisis data. Pengkaji menganalisis data kajian menggunakan kaedah Analisis Tematik yang dipelopori oleh Braun and Clarke (2013).

Dapatan Kajian

Karakteristik Peserta Kajian

Pengalaman perkhidmatan peserta kajian di sekolah terkini adalah lingkungan setahun tujuh bulan hingga ke lapan tahun perkhidmatan. Lima orang peserta kajian mempunyai latar belakang pendidikan Sarjana Muda Pendidikan (Bimbingan dan Kaunseling) manakala seorang peserta merupakan graduan Sarjana Muda Psikologi (Psikologi Kaunseling). Kesemua peserta merupakan ahli berdaftar di bawah Lembaga Kaunselor Malaysia.

Jadual 1 : Karakteristik Peserta Kajian

| Peserta kajian | Pengalaman berkhidmat | Latar belakang pendidikan | Kaunselor Berdaftar |
|----------------|-----------------------|--|---------------------|
| Zana | 3 tahun | Sarjana Muda Pendidikan (Bimbingan & Kaunseling) | Ya |
| Lisa | 1 tahun 7 bulan | Sarjana Muda Pendidikan (Bimbingan & Kaunseling) | Ya |
| Sheila | 6 tahun | Sarjana Muda Psikologi (Psikologi Kaunseling) | Ya |
| Yanti | 8 tahun | Sarjana Muda Pendidikan (Bimbingan & Kaunseling) | Ya |
| Mila | 8 tahun | Sarjana Muda Pendidikan (Bimbingan & Kaunseling) | Ya |

Keterlibatan Guru Bimbingan dan Kaunseling Sekolah Terhadap Murid Berkeperluan Khas

Jadual di bawah menunjukkan Keterlibatan GBKS terhadap MBK sepanjang perkhidmatannya di sekolah. Dapatan ini telah dibahagikan kepada dua tema, iaitu keterlibatan secara langsung dan keterlibatan secara tidak langsung. Keterlibatan secara langsung adalah apabila GBKS dan MBK bersemuka secara individu atau bersama keluarga dan matlamat yang ingin dicapai merupakan matlamat peribadi individu. Manakala keterlibatan secara tidak langsung adalah GBKS dan MBK bersemuka dalam kumpulan besar dan matlamat yang ingin dicapai merupakan matlamat sekolah. Keterlibatan tidak langsung adalah lebih kepada aktiviti yang dijalankan kepada pelajar aliran perdana secara sampingan MBK turut terlibat. Walau bagaimanapun, hal ini menunjukkan bahawa GBKS terlibat secara langsung dan bukan langsung terhadap MBK.

Jadual 2 : Keterlibatan Guru Bimbingan dan Kaunseling Sekolah terhadap Murid Berkeperluan Khas

| Konsep | Tema | |
|--------------|---|--|
| | Secara langsung | Secara tidak langsung |
| Keterlibatan | Kaunseling Individu Pertemuan bukan kaunseling Urusan Status MBK Konsultasi / Kaunseling Ibu Bapa Sesi Bimbingan | Ujian Psikometrik Ko-kurikulum Mentor-Mentee Melibatkan diri dengan Pendidikan Khas Program Umum sekolah |

Walau bagaimanapun, peserta kajian ini menyatakan bahawa keterlibatan mereka terhadap MBK secara keseluruhannya adalah bersifat secara tidak langsung, iaitu apabila mereka melaksanakan program umum sekolah yang melibatkan pelajar aliran perdana dan MBK ataupun pelaksanaan program aliran perdana tetapi secara tidak langsung MBK turut berada di kelompok aliran perdana (Program Pendidikan Inklusif). Contohnya pernyataan oleh Zana mengenai keterlibatannya dengan MBK:

“Memang diserap di aliran perdana.. jadi secara tidak langsung nama diorang termasuk.. contoh dalam Tingkatan 3.. secara tidak langsung ujian psikometrik untuk Tingkatan 3 dijalankan.. diorang pun termasuk la dalam tu.. macam tu..”

Penyataan ini turut disokong oleh keempat-empat GBKS lain.

“kalau psikometrik ni.. kalau masuk kelas, dia memang ada sama kan..” (Lisa)

“kami sebenarnya buat untuk perdana.. tapi diorang pun ada unit beruniform kan.. jadi jemput ‘join’ sekali la..” (Sheila)

“maksudnya program umum untuk pelajar perdana.. libatkan juga dengan pelajar pendidikan khas..” (Yanti)

“itu kami boleh urus.. tapi di bawah diorang juga.. macam kalau diorang tu suka-suka ponteng ka apa.. itu.. diorang masih rekod dalam pendidikan khas.. ya.. tapi kami boleh ‘handle’ kalau yang itu.. itu banyak yang ponteng.. kami ‘handle’.. sebab diorang dalam.. bangunan yang perdana..” (Mila)

Cabaran Pelaksanaan Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling Terhadap MBK

Pelaksanaan perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling sekolah turut mempunyai cabaran yang tersendiri. Cabaran-cabaran ini telah mengehadkan keterlibatan mereka terhadap MBK.

Jadual 3 : Cabaran perkhidmatan Guru Bimbingan dan Kaunseling Sekolah terhadap Murid Berkeperluan Khas mengikut kekerapan

| Konsep | Kategori |
|---------|--|
| Cabaran | Pengaplikasian Pendekatan Kaunseling Kolaborasi Komunikasi dengan MBK Komitmen GBKS Kemahiran Khusus MBK sensitif Mencabar ‘Familiarity’ Proses pembuatan keputusan Takut |

Melalui hasil analisis dapat menunjukkan bahawa tiga cabaran terbesar yang dihadapi oleh GBKS dalam perkhidmatannya terhadap MBK adalah pengaplikasian pendekatan kaunseling, kolaborasi dan komunikasi bersama MBK. Berikut berupakan keratan transkrip bagi kategori pertama, iaitu pengaplikasian pendekatan kaunseling yang berbeza terhadap MBK dan pelajar aliran perdana. GBKS yang bernama Zana menyatakan,

“kalau sesi kelompok atau individu tu...berlainan sedikit kan.. tidak la boleh macam sesi kelompok yang guna teori yang biasa kita guna dengan pelajar perdana kan..”

Penyataan yang sama turut dikongsikan daripada GBKS yang bernama Wani dan Mila dengan menyatakan,

“kita tak boleh ‘train’ mereka.. er.. dengan cara untuk pelajar biasa..” (Wani)

“pendekatan tu tidak sama antara pelajar yang perdana dengan pelajar PPKI” (Mila)

Seterusnya, cabaran kedua adalah GBKS menyatakan bahawa mereka kurang mendapat kerjasama daripada rakan sekerja berkaitan isu MBK. Kebanyakkan isu yang dikongsikan oleh GBKS adalah berkaitan dengan faktor rujukan MBK ke Unit Bimbingan dan Kaunseling. Contohnya seperti GBKS yang bernama Lisa menyatakan,

“setakat ni tak pernah la.. (rujukan ke UBK)”

Manakala penyataan GBKS yang bernama Zana turut menyokong perkara yang dinyatakan oleh Lisa,

“guru kelas.. atau guru subjek... diorang lebih rujuk kepada guru pendidikan khas.. begitu..diorang akan bagi pada guru pendidikan khas..”

Selain itu, cabaran ketiga adalah GBKS menyatakan bahawa mereka mempunyai isu komunikasi dengan MBK. GBKS bernama Sheila menyatakan,

“dia susah faham kan dalam ujian tu bila dia baca kan.. dia tidak faham ba ‘apa a cikgu.. ni.. apa maksud dia?’ begitu dia..”

GBKS yang bernama Lisa turut menyatakan,

“dia tak dapat nak tangkap la kan.. sebab dia memang ‘slow learner’ kan.. tak faham.. dia tak paham.. kita kena terangkan lebih lagi la..”

Cabaran-cabaran keseluruhan yang dihadapi oleh GBKS dalam melaksanakan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling terhadap MBK turut dapat dikelompokkan kepada tiga jenis iaitu, Cabaran bercirikan GBKS, bercirikan MBK, dan bercirikan Organisasi. Berikut merupakan tema-tema yang terhasil:

Jadual 4 : Cabaran perkhidmatan Guru Bimbingan dan Kaunseling Sekolah terhadap Murid Berkeperluan Khas mengikut tema

| Konsep | Tema | Kategori |
|---------|-----------------------|--|
| Cabaran | Bercirikan GBKS | Pengaplikasian Pendekatan Kaunseling Komunikasi dengan MBK* Komitmen GBKS Kemahiran Khusus Mencabar ‘Familiarity’ Takut |
| | Bercirikan MBK | Komunikasi dengan MBK* MBK sensitif Proses pembuatan keputusan |
| | Bercirikan organisasi | Kolaborasi |

Nota: *Bercirikan GBKS dan MBK.

Jadual di atas menunjukkan cabaran yang dilalui oleh GBKS yang dibahagikan kepada tiga tema utama iaitu (1) cabaran bercirikan GBKS, ianya bermakna cabaran tersebut terhasil daripada kelemahan diri GBKS itu tersendiri, (2) cabaran bercirikan MBK adalah terjadi disebabkan ciri unik MBK itu sendiri, dan (3) cabaran bercirikan organisasi iaitu halangan yang terhasil daripada sistem dalam persekolahan tersebut sama ada daripada pengetua, penolong-penolong kanan, dan guru-guru bagi kedua-dua aliran. Terdapat satu kategori yang bertindan antara tema bercirikan GBKS dan bercirikan MBK, iaitu komunikasi dengan MBK. Kategori ini bertindan kerana kategori ini terhasil daripada kekangan pertukaran verbal pada GBKS dan MBK itu sendiri.

Perbincangan

Hasil daripada kajian ini mendapati bahawa GBKS turut terlibat dalam memberikan perkhidmatan terhadap MBK disamping pelajar aliran perdana. Hal ini bermakna MBK tidak dipinggirkan daripada perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling. Walau bagaimanapun, keterlibatan yang berlaku adalah secara tidak langsung, iaitu GBKS melaksanakan program atau aktiviti yang sama kepada MBK dan pelajar aliran perdana.

Jika dibandingkan antara garis panduan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling terhadap MBK dan hasil kajian, didapati keterlibatan GBKS terhadap MBK kurang mengikuti garis panduan yang telah ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Perkhidmatan yang diberikan hanya melibatkan bimbingan dan kaunseling khas serta bimbingan kerja melalui pentadbiran ujian psikometrik. Hasil kajian ini menyokong penyataan yang menyatakan bahawa GBKS kurang melaksanakan perkhidmatan terhadap MBK (Hanani Harun Rasit, 2014). Selain itu, GBKS turut menjalankan program secara umum dan tidak merancang program khusus yang menjurus kepada keperluan MBK. Walau bagaimanapun,

penelitian mengenai pelaksanaan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di Malaysia adalah kurang. Hal ini dapat disokong melalui hasil kajian daripada Melissa Ng Lee Yen Abdullah et al. (2013) dapat menyokong hasil kajian ini dengan menyatakan bahawa terdapat kekurangan maklumat berkenaan perancangan transisi yang dijalankan dan bentuk sokongan yang diberikan di sekolah terhadap MBK.

Kekangan daripada keterlibatan GBKS terhadap MBK secara langsung ini dapat dilihat melalui cabaran yang dinyatakan melalui hasil kajian. Cabaran utama yang dihadapi oleh GBKS adalah mengenai pengaplikasian pendekatan kaunseling terhadap MBK. GBKS menyatakan terdapat perbezaan pengaplikasian pendekatan kaunseling antara MBK dan pelajar aliran perdana. Hal ini adalah disebabkan GBKS menganggap MBK mempunyai isu yang berbeza dengan pelajar aliran perdana. Perbezaan ini menyebabkan GBKS beranggapan bahawa pendekatan yang berbeza perlu digunakan untuk membantu MBK. Walhal, pendekatan yang dipelajari sebelum ini turut sesuai digunakan ke atas MBK. GBKS hanya perlu mengintegrasikan pendekatan kaunseling tradisional kepada klien pelbagai budaya (Corey, 2013). Walaupun mempunyai pendapat yang berbeza, ianya perlu diperhatikan kerana konteks budaya di Malaysia dan Barat adalah berbeza.

Isu kolaborasi antara GBKS dan staf lain di sekolah telah menyebabkan kekangan dalam membekalkan perkhidmatan yang menyeluruh terhadap MBK. Antara sebab yang berkemungkinan menyebabkan kekangan kolaborasi antara GBKS dan staf lain adalah kesedaran GBKS sendiri mengenai kepekaan keperluan perkhidmatan terhadap MBK (Husain & Ahmad, 2015).

Cabaran ketiga yang dinyatakan iaitu isu komunikasi dengan MBK adalah disebabkan oleh kurangnya pendedahan GBKS terhadap Orang Kurang Upaya di sekolah mahupun di luar sekolah. Pendedahan terhadap budaya yang berbeza membantu seseorang untuk memahami budaya orang lain (Corey, 2013). Individu yang terdedah dengan persekitaran berbeza akan meningkatkan sensitiviti budayanya (Steuernagel, 2014). Hasil kajian Lewis (2010) menunjukkan pengalaman dalam pendidikan khas memberi kesan terhadap efikasi kendiri dalam mengendalikan perkhidmatan kaunseling terhadap MBK. Kategori ini juga diletakkan ke dalam dua tema pada ciri cabaran iaitu bercirikan GBKS dan MBK. Hal ini kerana, selain daripada kurangnya pendedahan GBKS, kekangan ini wujud daripada kebolehan verbal atau penguasaan bahasa oleh MBK itu sendiri (Tor, 2013).

Jika diteliti dengan lebih lanjut berkenaan cabaran yang dihadapi oleh GBKS dalam melaksanakan perkhidmatan terhadap MBK, didapati tema bagi cabaran terbesar yang dinyatakan adalah terhasil daripada ciri diri GBKS sendiri, iaitu, Pengaplikasian Pendekatan Kaunseling, Komitmen GBKS, Kemahiran Khusus, Mencabar, '*Familiarity*', dan Takut. Dapatkan kajian ini selari dengan kajian oleh Rafidah Aga Mohd Jaladin (2013) yang menyatakan bahawa halangan yang berkaitan dengan ciri kaunselor merupakan tema pertama yang didapati dalam kajiannya.

Implikasi Kajian

Pengetahuan yang terhasil daripada kajian asas ini membawa kepada andaian yang besar terutamanya dalam pelaksanaan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling sekolah khususnya terhadap MBK. Berikut merupakan beberapa implikasi kajian yang diperolehi daripada kajian ini;

1. Guru Bimbingan dan Kaunseling Sekolah perlu membekalkan perkhidmatan yang khusus dan secara langsung kepada MBK memandangkan terdapatnya perbezaan pendekatan dan keperluan antara pelajar aliran perdana dan MBK itu sendiri.
2. Guru Bimbingan dan Kaunseling perlu merujuk kepada garis panduan yang dinyatakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia dalam memberikan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling kepada MBK.
3. Kolaborasi antara Pendidikan Khas dan Unit Bimbingan dan Kaunseling perlu diinisiatif agar pihak kedua-dua pihak dapat berganding bahu membantu memenuhi keperluan khusus MBK.

4. Kompetensi Kaunseling Multibudaya GBKS perlu dipertingkatkan agar GBKS bersedia memberikan perkhidmatan terhadap pelajar yang mempunyai latar belakang budaya yang unik.

Kesimpulan dan Kajian Lanjutan

Guru Bimbingan dan Kaunseling Sekolah merupakan individu yang penting dalam membantu setiap pelajar di bawah perkhidmatannya memenuhi keperluan, sama ada keperluan diri mahupun keperluan sekolah. Hasil kajian yang diperolehi dapat disimpulkan bahawa perkhidmatan bimbingan dan kaunseling sekolah terutamanya terhadap MBK perlu diambil perhatian memandangkan MBK turut mempunyai hak yang sama dalam mendapatkan perkhidmatan. Kajian lanjut mengenai keterlibatan perlu dilaksanakan terutama berkenaan dengan input yang didapati oleh MBK daripada aktiviti langsung dan tidak langsung yang telah dijalankan oleh GBKS. Input yang didapati akan menjawab sejauhmana perkhidmatan yang diberikan dapat memenuhi keperluan khas mereka. Selain itu, penerokaan mengenai aspek kompetensi kaunseling multibudaya turut diperlukan terutamanya berkenaan dengan cabaran disebabkan diri GBKS.

Rujukan

- Adams, C. (2015). *Multicultural counselling self-efficacy among school counsellors in British Columbia* (Tesis Master yang tidak diterbitkan). The University of British Columbia, Vancouver.
- Aksoy, V., & Diken, I. H. (2009). Examining school counselors' sense of self-efficacy regarding psychological consultation and counseling in special education. *Ilkogretim Online*, 8(3), 709.
- Arnold, R. (2010). School Counselor Trainees' Perceptions of Future Roles in Special Education. *NAAAS & Affiliates Conference Monographs*, 296-303.
- Auger, R. W. (2013). Autism Spectrum Disorders: A research review for school counselors. *Professional School Counseling*, 16(4), 256-268.
- Braun, V., & Clarke, V. (2013). *Successful Qualitative Research: a practical guide for beginners*. London: SAGE Publications.
- Corey, G. (2013). *Theory and Practice of Counseling and Psychotherapy* (9th ed.). Belmont, CA: Brooks/Cole.
- Fish, L. T., & Smith-Augustine, S. (2015) *School counselors and vocational rehabilitation counselors: Collaborating for high school students' with disabilities success*. VISTAS Online.
- Goodman, J. I., Bucholz, J., Hazelkorn, M., & Duffy, M. L. (2014). Using graduation rates of students with disabilities as an indicator of successful inclusive education. *Measuring Inclusive Education (International Perspectives on Inclusive Education, Volume 3)* Emerald Group Publishing Limited, 3, 279-301.
- Hanani Harun Rasit. (2014). *Perkhidmatan bimbingan dan kaunseling kepada pelajar bermasalah di Program Pendidikan Khas Integrasi*. (Tesis PhD yang tidak diterbitkan). Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Hott, B., Thomas, S., Abbassi, A., Hendricks, L., & Aslina, D. (2014). Supporting students with emotional disabilities: What every counselor needs to know. *National Forum Journal of Counseling and Addiction*, 3(1), 1-8.
- Husain, Z., & Ahmad, N. S. (2015). Trauma dalam kalangan Orang Kurang Upaya fizikal akibat kemalangan: Satu perkongsian pengalaman dalam menghadapi krisis. *Procedia Studi Kasus dan Intervensi Psikologi*, 3(1).
- KPM. (2012). *Perekayaan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling sekolah*. (KP(BPSH-SPDK)201/005/02 Jld.4(5)).
- Krajnčan, M., Sinjur, A., & Kranjec, T. (2015). The existing level of social competence of children with special needs from the teacher's point of view. *New Educational Review*, 40(2), 260-271. doi:10.15804/tner.2015.40.2.22
- Lee, P. K. (2015). *School Counselors' Provision of Career and College Transition Services to Students in Special Education*. (Disertasi Master), Utah State University, Logan, Utah. Available from DigitalCommons@USU (534)

- Lewis, S. V. (2010). *Is there a relationship between pre-service training, in-service training, experience, and counselor's self-efficacy and whether they work with student with special needs?* (Tesis PhD yang tidak diterbitkan). University of Central Florida Orlando, Florida. Orlando, Florida.
- Melissa Ng Lee Yen Abdullah, Mey, S. C., Eng, T. K., Rosly Othman, & Ahmad Fairuz Omar. (2013). School-to-work transition services for students with disabilities in Malaysia: organisations' views on policy and practices. *Journal of Research in Special Educational Needs*, 13(4), 259-271. doi:10.1111/j.1471-3802.2011.01216.x
- Merriam, S. (2009). *Qualitative Research: a guide to design and implementation*. CA: John Wiley & Sons, Inc.
- Parchomiuk, M. (2015). Value preferences of teachers and their attitudes towards individuals with disabilities. *International Journal of Disability, Development and Education*, 62(3), 276-287. doi:10.1080/1034912X.2015.1020919
- Plotner, A. J., & Fleming, A. R. (2014). Secondary transition personnel preparation in rehabilitation counselor education programs. *Rehabilitation Research, Policy, and Education*, 28(1), 33-44.
- Rafidah Aga Mohd Jaladin. (2013). Barriers and challenges in the practice of multicultural counselling in Malaysia: A qualitative interview study. *Counselling Psychology Quarterly*, 26(2), 174-189.
- Richmond-Frank, S. (2015). Because "mama" said so: A counselor-parent commentary on counseling children with disabilities. *The Professional Counselor*, 5(2), 304-317.
- Roberts, L. A. (2012). School counselors as key personnel in helping improve the transition outcomes of students with significant disabilities. *VISTAS 2012*, 96, 1-12.
- Sazak-Pinar, E., & Güner-Yıldız, N. (2013). Investigating teachers' approval and disapproval behaviors towards academic and social behaviors of students with and without special needs. *Educational Sciences: Theory & Practice*, 13(1), 551-556.
- Steuernagel, J. A. (2014). *Factors that contribute to the intercultural sensitivity of school counselors in international schools: A path analysis*. (Tesis Doktor Falsafah yang tidak diterbitkan). University of Minnesota. Minneapolis, Minnesota.
- Tait, M. (2013). *Perceptions of school counselors regarding their roles in transition services for students with learning disabilities towards postsecondary education*. (Tesis PhD yang tidak diterbitkan). Texas Woman's University. Texas.
- Tor, Phi Chee (2013). *Pelaksanaan Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling Di Program Pendidikan Khas Integrasi Bermasalah Pendengaran*. (Tesis Master yang tidak diterbitkan). Universiti Kebangsaan Malaysia. Malaysia.
- Zahra, A. J. C. (2014). *Enabling Counsellors: An Exploration of the Social Construction of Disability among Maltese Counsellors*. (Tesis Master yang tidak diterbitkan). University of Leeds. England.